

PM: Kita negara Islam fundamentalis

UM 13 JUN 2002

KUALA LUMPUR 17 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia adalah sebuah negara Islam fundamentalis dan bukannya negara Islam yang sederhana seperti anggapan sesetengah negara.

Menurut Perdana Menteri, ini kerana dasar yang dilaksanakan oleh Malaysia sentiasa mematuhi asas-asas ajaran Islam yang menuntut umatnya berbaik-baik, bersaudara dan bersatu padu.

Dr. Mahathir berkata, semasa melawat negara barat beliau cuba menerangkan kepada pemimpin negara berkenaan bahawa Malaysia bukan sebuah negara Islam yang sederhana sebaliknya sebuah negara Islam fundamentalis.

“Bila kita kata demikian mereka terkejut kerana bagi mereka fundamentalis ini adalah orang yang ganas, yang membuat bermacam perkara tidak baik.

“Bagi saya tidak, kalau kita pegang fundamental Islam, asas-asas Islam, kita tidak boleh jadi buruk kerana Islam menuntut kita berbaik-baik, bersaudara, bersatu padu, buat benda baik, oleh itu tidak salah kalau jadi fundamentalis Islam,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa menjawab soalan tambahan Datuk Seri **Abdul Hadi Awang (Pas-Marang)** pada si-

dang Dewan Rakyat, hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, beliau pernah dilaporkan oleh akhbar Barat sebagai Perdana Menteri Malaysia seorang fundamentalis kira-kira 15 tahun dahulu dan tidak pernah merasa malu mengaku demikian.

Malah, katanya, beliau gembira kerana apabila diterangkan kepada masyarakat Barat definisi fundamentalis Islam dan asas-asas Islam, mereka bersetuju bahawa selama ini mereka berpegang kepada definisi yang tidak tepat.

Pemimpin

“Jadi kita akan terus menjelaskan bahawa asas Islam memang baik dan siapa yang ikut akan jadi baik dan berjaya. Inilah hasrat saya di Malaysia dan saya amat gembira kerana dapat buat penjelasan kepada pemimpin bukan Islam yang tidak faham mengenai Islam,” katanya.

Perdana Menteri turut bersyukur kerana selepas insiden 11 September tahun lepas, ramai yang berminat untuk mengetahui mengenai Islam dan adalah penting mereka mendapat maklumat yang tepat mengenai fundamentalis Islam.

“Dan jangan mereka anggap mereka yang baik adalah kerana menjadi Islam yang sederhana kerana orang yang baik ada-

lah yang pegang ajaran Islam sebenar,” katanya.

Menjawab soalan asal **Datuk Zulhasnan Rafique (BN-Wangsa Maju)**, Dr. Mahathir berkata, lawatan kerjanya ke Amerika Syarikat (AS) dari 13 hingga 16 Mei lalu memberi kesempatan kepada beliau untuk membetulkan tanggapan dunia terhadap Islam dan keganasan.

Pandangan dan pendirian Malaysia mengenai Islam dan keganasan, katanya, telah disampaikan dengan jelas dan disambut baik oleh Presiden Bush, anggota pentadbiran lain serta ahli-ahli kongres AS yang beliau sempat temui.

Perdana Menteri berkata, beliau telah menekankan bahawa keganasan tidak sepatutnya dikaitkan dengan Islam atau negara-negara Islam sahaja kerana penganut agama lain juga terlibat dengan keganasan tetapi keganasan mereka tidak dikaitkan dengan agama mereka.

“Saya telah menjelaskan bahawa keganasan di Palestin disebabkan wilayah orang Palestin dirampas untuk mendirikan Israel dan juga kerana Israel melanggar dan menduduki Wilayah Palestin secara haram.

“Yang menentang Israel bukanlah orang Islam semata-mata tetapi juga orang Arab Kristian,” katanya.

Katanya, penindasan

ke atas orang Palestin yang majoriti beragama Islam menyebabkan orang Islam lain merasa marah dan membalas dengan serangan berani mati kerana tidak ada jalan lain bagi mereka.

Malaysia, menurut Dr. Mahathir, prihatin terhadap nasib rakyat Palestin dan mengutuk sekeras-kerasnya segala keganasan yang dilakukan oleh rejim Israel terhadap rakyat Palestin di Tebing Barat Semenanjung Gaza yang jelas melanggar hak asasi manusia dan undang-undang antarabangsa.

Malaysia juga, katanya, akan terus menyeru masyarakat antarabangsa supaya mengesakan pihak Israel untuk menghentikan semua aktiviti ketenteraan dan berundur sepenuhnya dari kawasan Palestin yang diduduki dan mematuhi semua keputusan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) terutama resolusi yang terkini.

“Malaysia yakin permasalahan di Tebing Barat perlu diselesaikan melalui rundingan. Bagi menghentikan peperangan dan kezaliman Israel ke atas rakyat Palestin, Malaysia telah menggesa supaya PBB menghantar pasukan keselamatan antarabangsa untuk meleraikan kedua-dua pihak,” katanya.